

TR: 11.8.66

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DIBACAAN KALI KEDUA MENGENAI RANG
UNDANG-UNDANG YANG BERNAMA
'CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL
DI DEWAN RAYAT
PADA 22HB OGOS, 1966.**

Tuan Yang di-Pertua¹, saya meminta izin mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang yang bernama Constitution (Amendment) Bill dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dengan perpisahan Singapura daripada Malaysia serta dengan lulusnya undang-undang 'the Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965', pindaan-pindaan yang tertentu hendaklah dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan. Tujuan utama Rang Undang-Undang ini ialah untuk mengadakan pindaan-pindaan tersebut atas Perlembagaan kita. Pindaan-pindaan yang lain juga didapati perlu dan mustahak dan oleh itu dimasukkan juga dalam Rang Undang-Undang ini. But-ir-butir lanjut atas semua pindaan-pindaan itu ada diterangkan dalam Jadual yang disertakan bersama-sama dengan "Explanatory Statement" kepada Rang Undang-Undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang boleh dilihat, Tuan Yang di-Pertua, Jadual yang dikemukakan itu menerangkan pindaan-pindaan itu dengan teliti dan terang dan dengan sebab itu tidak perlulah bagi saya mengulanginya di sini satu persatu.

Bagaimanapun saya suka hendak memberi penerangan ringkas atas pindaan-pindaan ini. Pindaan-pindaan ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian yang besar:

1. Pindaan-pindaan oleh sebab perpisahan Singapura daripada Malaysia.
2. Pindaan-pindaan yang berkaitan dengan Pilihanraya bagi Malaysia Timor.
3. Pindaan-pindaan bagi melaksanakan tujuan Perjanjian

Malaysia 1963 (Malaysia Agreement 1963) berkenaan dengan kedudukan Mahkamah-Mahkamah Persekutuan (Federal Courts) dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi (High Courts).

4. Pindaan-pindaan berkaitan dengan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan di bawah Perkara 139, dan
5. Pindaan-pindaan umum bagi membetulkan kesalahan-kesalahan nahu dan pencetakan yang kecil yang dijumpai di dalam Perlembagaan.

Berkaitan dengan Bahagian I - dengan lulusnya "The Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965", syarat-syarat dalam Perlembagaan berkenaan kewarganegaraan berkaitan dengan Singapura sudah tentu mesti dipinda. Syarat-syarat itu didapati dalam Part III dan Jadual Kedua kepada Perlembagaan. Adalah perlu sekarang bagi Dewan ini membatalkan, misalnya, syarat-syarat yang membolehkan Singapura meluluskan undang-undang berkaitan dengan kewarganegaraan Malaysia, membatalkan syarat-syarat yang berkaitan dengan penyatuan warganegara Singapura dan warganegara Persekutuan, dan membatalkan undang-undang yang berkaitan dengan kelayakan warganegara Singapura dipilih sebagai Ahli Parlimen Malaysia kita ini.

Oleh sebab perpisahan Singapura daripada Malaysia itu, adalah juga perlu bagi kita meminda Perlembagaan supaya mengeluarkan semua catitan (references) berkaitan dengan Singapura yang tidak lagi berguna atau sesuai kerana Singapura tidak lagi berada di dalam Malaysia. Keterangan-keterangan yang lengkap berkenaan pindaan-pindaan ini, seperti saya sebutkan, ada dinyatakan dalam jadual bersama-sama ini dengan "Explanatory Statement" kepada Rang Undang-Undang ini.

Kerajaan juga mencadangkan untuk meminda Perkara 54 Perlembagaan supaya tempat-tempat kosong (casual vacancies) dalam Dewan Rakyat bagi ahli-ahli daripada Malaysia Timor boleh diisi dalam masa sembilan puluh (90) hari daripada tarikh kekosongan itu berlaku. Pada masa sekarang ini kekosongan itu mestilah dipenuhi dalam masa enam puluh (60) hari. Sebagaimana diketahui, Tuan Yang di-Pertua, di negeri-negeri Sabah dan Sarawak pengundian di beberapa kawasan adalah mengambil masa lebih daripada

sepuluh (10) hari oleh kerana kesukaran pengangkutan dan perhubungan. Dari itu suatu pilihanraya harus tidak boleh selesai di dalam tempoh enam puluh (60) hari sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 54.

Berkaitan dengan ini adalah juga dicadangkan bagi meminda Perkara 55 untuk membolehkan pilihanraya di Malaysia Timor diadakan di dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada hari Parlimen dibubarkan oleh sebab kesukaran-kesukaran yang saya sebut tadi. Berikutan dengan itu, tempoh sembilan puluh (90) hari daripada hari pembubaran Parlimen itu untuk memanggil Parlimen bersidang tidak memadai bagi Malaysia Timor. Oleh itu adalah dicadangkan supaya tempoh untuk memanggil Parlimen bersidang selepas Parlimen dibubarkan dilanjutkan kepada seratus dua puluh (120) hari.

Perkara 54 juga dipinda untuk membolehkan Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat bagi Malaysia Barat dilantik atau dipilih selepas daripada enam puluh (60) hari daripada kekosongan itu berlaku, tetapi bagi Ahli Dewan Negara tempoh lantikannya dalam keadaan begitu ialah enam tahun daripada tamatnya tempoh enam puluh hari daripada tarikh kekosongan itu berlaku.

Perjanjian Malaysia 1963 (Malaysia Agreement 1963) bertujuan supaya Mahkamah Persekutuan (Federal Courts) dan Mahkamah Tinggi (High Courts) dipisahkan antara satu sama lain. Adalah dikhuatirkan sama ada tujuan ini sudah tercapai di bawah Perkara 125 Perlembagaan sekarang ini. Oleh itu tujuan mengadakan Clause baru (10) kepada Perkara 125 Perlembagaan adalah untuk menghilangkan keraguan itu dan menentukan bahawa Mahkamah Persekutuan adalah berasingan daripada 'High Courts'.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikirkan sangat mustahak supaya kuasa dan tugas-tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Public Service Commission) yang ditubuhkan di bawah Perkara 139, selain daripada kuasa melantik bagi pertama kali kepada jawatan tetap ataupun jawatan berpencen, boleh dijalankan oleh satu Lembaga yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Tujuan pindaan kepada Perkara 144 adalah untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong melantik satu Lembaga yang boleh diberi kuasa

menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang sekarang ini dijalankan oleh Public Service Commission itu. Pindaan-pindaan ini juga menghendaki supaya diadakan satu Lembaga Rayuan (Appeal Board) yang juga akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Sesiapa yang tidak puas hati dengan keputusan Lembaga tersebut bolehlah membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan (Appeal Board) untuk ditimbang.

Tuani Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat sangat mustahak supaya kuasa berkenaan dengan tata-tertib (discipline) dan kenaikan pangkat diserahkan kepada Lembaga yang mengandungi Ketua-Ketua Pejabat supaya "discipline" dalam Perkhidmatan Awam dan kelicinan pentadbiran dapat dibaiki lagi.

Pada masa sekarang ini Ketua Jabatan tidak boleh mengambil tindakan "discipline" yang tegas terhadap pegawai-pegawai dibawahnya ataupun menaikkan pangkat pegawai-pegawai yang rajin, cergas dan menunjukkan kebolehan. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menguatkan "discipline" dalam Perkhidmatan Awam supaya pentadbiran negeri ini akan berjalan lebih licin lagi.

Bagi menjaga kepentingan pegawai-pegawai Kerajaan dan supaya kuasa ini tidak disalah gunakan oleh Ketua-Ketua Pejabat maka Kerajaan akan mengadakan Lembaga Rayuan dan mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan tata-tertib mengenai mereka itu akan dapat membuat rayuan kepada Lembaga itu yang akan menimbang rayuan itu dengan adil dan saksama. Oleh itu pegawai-pegawai Kerajaan tidak harus khuatir dan was-was bahawa mereka akan teraniaya oleh kerana pemindahan kuasa yang dicadangkan itu.

Tujuan Kerajaan tidak sekali-kali untuk menakutkan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi ialah untuk membaiki lagi Perkhidmatan Awam negeri ini dan melicinkan lagi pentadbiran supaya negara kita akan mendapat kemajuan-kemajuan yang lebih-lebih lagi daripada rancangan-rancangan dan usaha-usaha Kerajaan untuk hendak membaiki tata-tertib atau "discipline", mustahaklah Ketua-Ketua Pejabat diberi kuasa supaya Ketua Pejabat dapat menjaga pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai di bawahnya dan dengan itu dapatlah Ketua Pejabat itu menjaga kelakuan baik dan juga kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai di bawahnya.

Kerajaan telah berkali-kali menyatakan bahawa Perkhidmatan Awam negeri ini adalah di antara yang terbaik sekali dalam kawasan dunia di sebelah sini. Tetapi masih juga didapati kelemahan-kelemahan yang boleh dibaiki dan Kerajaan berazam hendak membaiki kelemahan-kelemahan itu dengan tidak merosakkan moral Public Services di negara kita ini. Begitu juga saya suka menegaskan disini bahawa apabila Kerajaan hendak mengadakan peraturan-peraturan berkenaan dengan mengambil alih kuasa-kuasa daripada Public Services Commission ini. Kerajaan akan berunding dengan Staff Side Whitley Council supaya Staff Side Whitley Council itu boleh memberi apa juga pandangan-pandangan yang mereka itu kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, peluang telah juga diambil untuk membetulkan kesalahan yang saya katakan grammatical errors, printing errors yang kecil yang telah dijumpai dari masa ke semasa. Kenyataan-kenyataan berkenaan dengan pindaan ini bolehlah didapati dalam Explanatory Statements bersama-sama dengan Rang Undang-Undang ini.

Ada sedikit pindaan kepada Rang Undang-Undang ini yang saya akan cadangkan apabila Dewan ini membincangkan Rang Undang-Undang ini dalam Jawatankuasa atau Committee Stage. Pindaan ini telahpun diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pindaan ini adalah berkaitan dengan Bahagian II (Part II) dalam Tenth Schedule yang mengandungi cara-cara dan syarat-syarat untuk mengira "State Road Grant" yang diberi kepada Negeri-Negeri.

Mengikut Seksyen 2, Jadual Kesepuluh, perbelanjaan bagi menjaga ataupun memperbaiki jambatan, viaduct dan culverts, tidak diambil pertimbangan pada masa mengira harga menjaga jalan-jalan itu. Oleh sebab jambatan, viaduct dan culverts adalah sebahagian daripada jalan raya, maka dari itu mustahaklah dipinda Seksyen 2 dalam Jadual Kesepuluh supaya belanja menjaga jambatan-jambatan dan juga viaduct dan culverts itu boleh dimasukkan ke dalam perkiraan apabila mengira "State Road Grant" yang dibayar kepada tiap-tiap Negeri.

Seksyen 4 dalam Jadual Kesepuluh menetapkan bahawa hanyalah jalan raya yang sebenar dijagai oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu yang boleh mendapat "State Road Grant". Oleh kerana syarat ini,

Majlis Tempatan yang dikatakan "financially autonomous" telah menghadapi kesukaran oleh kerana jalan raya mereka tidak dijaga oleh Jabatan Kerja Raya dan oleh kerana itu Majlis itu tidak dapat menerima "State Road Grant". Oleh yang demikian adalah dicadangkan untuk meminda Seksyen 4 dalam Jadual Kesepuluh supaya membolehkan jalan-jalan di dalam kawasan "Local Authorities" mendapat "State Road Grant" apabila telah diakui oleh Jabatan Kerja Raya bahawa jalan-jalan itu telah dijaga mengikut darjah yang ditentukan oleh Pejabat Kerja Raya bagi jalan-jalan raya dinegeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

1 Dato' Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman